

**PAMERAN SEMPENA SAMBUTAN HARI BUMI 2016 PERINGKAT NEGERI JOHOR**



Pameran sempena sambutan Hari Bumi 2016 Peringkat Negeri Johor anjuran Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah diadakan pada 05 April 2016 bertempat di SMK Taman Daya 2 Johor Bahru. Program Hari Bumi ini disambut dengan tema 'Tree for Us' yang mana memberi cabaran besar berhubung perubahan iklim yang dialami di peringkat global. Fenomena perubahan iklim ini adalah fenomena sejagat yang mana ia perlu difahami sedang berlaku dan memerlukan komitmen semua bagi tujuan memulihara keadaan bumi.

Tujuan sambutan Hari Bumi adalah untuk menyedarkan penduduk planet tentang kepentingan memulihara dan menjaga bumi dengan lebih serius. Majlis telah dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor Datuk Haji Ayub Rahmat . Universiti telah mempamerkan dua produk penyelidikan iaitu *D2 Motor for Electric* hasil penyelidikan Dr. Erwan Sulaiman dan *Fired Clay Brick Incorporated With Recycled Toxic Waste* daripada Profesor Madya Dr. Aeslina Abd. Kadir. Antara yang turut mengambil bahagian dalam pameran tersebut adalah UTM Space, Indah Water Consortium, SWM Environment Sdn. Bhd. dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor.

Sambutan Hari Bumi 2016 ini diharapkan agar dapat memupuk kesedaran kepada semua rakyat dalam memastikan bumi kekal selamat untuk didiami oleh manusia. Sehubungan itu, semua pihak diseru untuk mengamalkan gaya hidup yang mesra alam dengan mengurangkan pelepasan gas-gas beracun yang boleh memberi kesan buruk kepada rumah hijau.



**PEMBENTANGAN PRODUK BERSAMA PLATCOM INNOVATION BUSINESS OPPORTUNITIES (IBO)**



Pembentangan Produk Bersama *Platcom Innovation Business Opportunity* (IBO) telah diadakan pada 27 April 2016 bertempat di *War Room*, Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC). Panel Penilai yang terlibat adalah En. Izham Naquiddin Shah Datuk Arif Shah dari IBO dan Dr. Nik Hisyamudin Muhd Nor, Timbalan Dekan Pusat Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ICC). Terdapat 10 produk disenaraikan setiap bulan bagi tujuan pembentangan dan penilaian bagi tujuan pengkomersilan.



**TAWARAN PERMOHONAN GERAN PENYELIDIKAN KPT & MOSTI**



Portal Rasmi  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
MINISTRY OF HIGHER EDUCATION  
MALAYSIA CREDIT RESEARCH NETWORK SYSTEM

Utama Profil Korporat Info MyGRANTS Geran Penyelidikan Output Carian MyGRANTS Kerjaya Hubungi Kami

**PEMBUKAAN PERMOHONAN GERAN PENYELIDIKAN**

- Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) (29 Januari - 28 Mac 2016)
- Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) (29 Januari - 28 April 2016)
- Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) (29 Januari - 28 April 2016)
- Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS) (29 Januari - 28 April 2016)

SOARING UPWARDS

Pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah membuka tawaran permohonan geran bagi menjalankan projek-projek penyelidikan kepada para penyelidik di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mulai 29 Januari 2016 sehingga 28 April 2016. Manakala tawaran permohonan dana *Science Fund (SF)* Kitaran 2/2016 dibuka mulai 01 hingga 29 April 2016. Statistik jumlah permohonan dana yang telah dipohon kepada pihak KPT adalah seperti berikut:

- ◆ LRGS ~ Tiada permohonan
- ◆ FRGS ~ 206 permohonan
- ◆ PRGS ~ 6 permohonan
- ◆ TRGS ~ 3 permohonan
- ◆ ScFund ~ 7 permohonan

